

09 JUN 2001

Fong-Pekerjaan

JUMLAH JAWATAN BARU LEBIH BANYAK DARIPADA PEKERJA YANG DIBUANG

PULAU PINANG, 9 Jun (Bernama) -- Jumlah kekosongan pekerjaan di pelbagai sektor masih melebihi jumlah pekerja yang diberhentikan oleh sektor perindustrian di negara ini dan trend penawaran pekerjaan juga semakin stabil sehingga akhir tahun ini.

Menteri Sumber Manusia Datuk Dr Fong Chan Onn berkata, pada April lepas sahaja lebih 8,000 jawatan baru ditawarkan berbanding hanya 4,000 pekerja yang diberhentikan.

"Ini bermakna, peluang pekerja yang diberhentikan untuk mendapatkan pekerjaan baru adalah besar," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan mengenai "Prospek Ekonomi Malaysia Masa Kini" anjuran Persatuan Usahawan Muda Pulau Pinang (YES) di sini hari ini.

Fong, yang juga Naib Presiden MCA, berkata beberapa syarikat dalam sektor perindustrian, terutamanya dari Pulau Pinang turut melahirkan keyakinan bahawa operasi mereka akan pulih, terutamanya bagi suku ketiga dan keempat tahun ini.

Beliau berkata petunjuk yang mereka berikan ialah berdasarkan kepada peningkatan terhadap tempahan produk dan komponen keluaran syarikat masing-masing bagi tempoh suku ketiga dan keempat tahun ini.

Mengenai perkembangan lain, beliau berkata kementerian turut menyediakan pelbagai program termasuk latihan khas dalam bidang teknologi maklumat (IT) untuk menghasilkan lebih ramai pekerja yang berpengetahuan.

Katanya antara program latihan dan literasi IT yang disediakan ialah melalui Institut Latihan Perindustrian (ILP) di seluruh negara untuk membolehkan golongan muda mendapat latihan percuma dalam bidang IT, yang diadakan pada hari Sabtu dan Ahad setiap minggu.

Beliau berkata melalui latihan dan program seumpama itu, kementerian yakin akan dapat menyediakan lebih 10,000 pekerja yang berpengetahuan dan mendapat pendedahan dalam bidang IT.

Selain itu, katanya, kementerian juga menyediakan peruntukan sebanyak RM10 juta untuk memberi latihan khas dalam bidang IT kepada pekerja yang berumur antara 20 tahun dan 39 tahun, yang meliputi 33 peratus daripada jumlah keseluruhan tenaga kerja di negara ini.

"Ini kerana pekerja muda lebih mahir dalam pelbagai bidang dan mudah dilatih untuk menjadikan mereka pekerja yang mahir terutamanya dalam bidang k-ekonomi," katanya.

-- BERNAMA

SA AKD